

MESYUARAT PEGAWAI INTEGRITI JABATAN KERJA RAYA BIL.2 TAHUN 2018

Pada 7-8 November 2018, Mesyuarat Pegawai Integriti Bilangan 2 Tahun 2018 diadakan bertempat di Bilik Berlian, Aras 2, Menara Kerja Raya. Mesyuarat yang diadakan sebanyak dua (2) kali setahun ini melibatkan semua Pegawai dan Penolong Pegawai Integriti dari 20 Cawangan dan 15 JKR Negeri.

Mesyuarat membincangkan isu-isu berkaitan dengan integriti di samping membentangkan Pelan Integriti Cawangan dan JKR Negeri. Selain itu, pembentangan dari setiap unit di Bahagian Integriti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat juga turut diadakan bagi melaporkan status-status terkini berkenaan pengurusan dan aktiviti-aktiviti integriti di Jabatan.

Mesyuarat turut mengadakan sesi perkongsian ilmu integriti dengan menjemput penceramah-penceramah yang berpengalaman daripada Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu PKPj Norisah Binti Chukra, Encik Mohd Rais Bin Ramli dari Institut Integriti Malaysia (IIM) dan juga Encik Rahmansyahputra Bin Afrizal selaku Kaunselor daripada Kementerian Kerja Raya.

Penyampaian sijil pelantikan turut diadakan kepada semua Pegawai dan Penolong Pegawai Integriti yang baru dilantik bagi menggantikan pegawai yang telah berpindah dan bersara. Dengan adanya Pegawai dan Penolong Pegawai Integriti di setiap Cawangan dan JKR Negeri dapat memantapkan lagi serta memperkasakan integriti di kalangan kakitangan JKR.





